

# Pelajar UMS, Immtiaz Laimon terima anugerah NASEA 2023

UB 13.07.2024 P.08

KOTA KINABALU: Pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dipilih sebagai penerima anugerah National Accounting Student Excellence Award (NASEA) 2023.

Mohammad Immtiaz Laimon, berasal dari Putatan, kini sedang menjalani latihan industri di firma audit antarabangsa KPMG di Kota Kinabalu.

Menurut Immtiaz, kejayaan merangkul anugerah itu merupakan detik berharga yang dihadihkan untuk keluarga, rakan seperjuangan dan pensyarah yang menjadi tonggak utama kejayaannya.

“Saya percaya anugerah ini dapat memberi banyak ruang dan peluang untuk saya di alam pekerjaan kelak.

“Saya juga bangga kerana dapat membawa nama UMS ke dalam dunia perakaunan di peringkat kebangsaan dan saya percaya selepas ini lebih banyak kejayaan akan \*



**BANGGA:** Immtiaz (tengah) bersama Presiden MIA, Dato’ Seri Dr. Mohamad Zabidi (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif MIA, Dr. Wan Ahmad Rudirman Wan Razak.

mengangkat nama UMS,” katanya.

Immtiaz menerima anugerah tersebut pada Malaysian Institute of Accountants International Conference (MIAC) 2024 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berharap lebih ramai pelajar cuba mempraktikkan keseimbangan dalam bidang akademik serta penglibatan kokurikulum.

Sementara itu, UMS dalam satu kenyataan menjelaskan anugerah itu diberikan kepada pelajar terbaik bagi universiti tempatan yang

diiktiraf di bawah Akta Akauntan 1967, sekali gus mengharumkan nama UMS di peringkat kebangsaan.

“Anugerah tersebut menitikberatkan kecemerlangan akademik dan kokurikulum pelajar sepanjang pengajian di universiti tempatan,” katanya.